

Tidak lena akibat hakisan

Nurul Huda Husain

15 Disember 2016 Sinar Harian



Kediaman Mohamad Yahya mendap akibat hakisan pantai

MENGABANG TELIPOT - Januari tahun ini merupakan detik paling mencemaskan bagi Mohamad Yahya Muda, 53, sekeluarga apabila kediaman diduduki mereka lebih 10 tahun, hampir dihanyutkan ombak.

Baru-baru ini, mereka sekali lagi berdepan kejadian sama apabila rumah didiami di Kampung Tanjung Gelam, di sini, hanya berada kira-kira empat meter daripada pantai akibat hakisan teruk yang melanda kawasan berkenaan.

Yahya yang tinggal bersama enam ahli keluarganya mengakui tidak lena tidur hampir setiap malam kerana bimbang rumah dipukul ombak berikutan musim tengkujuh yang belum berakhir.

“Hampir sebahagian struktur rumah mendap kerana pasir terhakis. Saya terpaksa merobohkan satu bilik yang begitu dekat dengan pantai kerana bimbang dipukul ombak. Ruang itu saya jadikan sebagai tempat berehat kerana bimbang keselamatan anak-anak jika bilik itu masih

digunakan,” katanya yang masih trauma dengan kejadian hakisan teruk yang berlaku awal tahun ini.

Menurut Yahya, dia tiada pilihan lain dan terpaksa tinggal di rumah berkenaan kerana tiada tempat lain untuk berteduh.

“Selagi rumah ini boleh diduduki, kami akan tetap tinggal di sini, walaupun keadaan ombak dan angin agak kuat kebelakangan ini kerana musim tengkujuh belum berakhir.

“Buat masa ini, saya hanya mampu berdoa agar ombak dan angin tidak sekuat seperti sebelum ini. Jika keadaan itu berlaku sekali lagi, rumah ini akan terus hanyut ditelan ombak,” katanya.

Katanya lagi, dia sekeluarga sedia untuk berpindah sekiranya mempunyai penempatan baharu seperti mana dimaklumkan kerajaan untuk diberikan kepada mangsa yang terjejas akibat hakisan pada Januari lalu.

“Kami sedia berpindah jika diberi penempatan baru sebab kawasan ini tidak lagi selamat untuk diduduki. Hakisan pantai juga semakin teruk dari hari ke hari,” katanya.